

**MINIT MESYUARAT AGUNG KE 37 TAHUN 2021
PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)**

TARIKH : 31 JULAI 2021

MASA : 10.00 PAGI

TEMPAT : SECARA MAYA (ONLINE)

AHLI YANG HADIR

Senarai nama ahli yang hadir adalah seperti di **Lampiran A**.

NO	PERKARA	TINDAKAN
1.0	UCAPAN PRESIDEN	Makluman
1.1	Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Sdr Nasrul Asyraf Saiful Yazan (1359).	
1.2	Presiden mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dapat berkumpul secara maya untuk melaksanakan AGM ke 37 dan mengucapkan terima kasih kepada Sdr Shazwan selaku pemudahcara. Beliau juga memohon maaf atas kelewatan masuk ke dalam platform zoom disebabkan masalah teknikal. Presiden turut melahirkan rasa gembira kerana setakat ucapan beliau ini, seramai 246 orang ahli telah berdaftar masuk untuk mengikuti AGM kali ke 37 ini.	
1.4	Presiden juga mengucapkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan ahli kerana masih memberikan tanggungjawab kepada beliau untuk terus memegang jawatan sebagai Presiden bagi sesi 2021-2023.	
1.5	Dengan kepercayaan ini, beliau akan meneruskan tanggungjawab dalam melaksanakan beberapa projek yang tertangguh disebabkan pandemik iaitu : i. Menaiktaraf Galeri ASAS di SAS ii. Meneruskan Projek SAS : Leadership Blueprint iii. Menyelesaikan hutang dengan Majlis Presiden (Baki sebanyak RM 110,000 masih belum dibayar dari keseluruhan jumlah RM 230,000).	
1.6	Presiden turut mengaluakan kehadiran Dato' Emran Kadir yang turut sama bersiaran di pejabat Presiden bersama dengan Sdr Roslan dan Sdr Kamalruzaman.	

NO	PERKARA	TINDAKAN
1.7	<p>Dalam ucapan Presiden ini, beliau menyatakan bahawa sepanjang tempoh 2019-2021, AJK ASAS telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam meningkatkan imej ASAS seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat merchandise baru iaitu 2 jenis t-shirt yang mempunyai design yang menarik dengan kualiti kain yang selesa serta mutu yang menarik. Penjualan t-shirt tersebut telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dan sekaligus menaikkan imej dan aliran tunai ASAS. ii. Membuat “ASAS NIAGA” yang mana ia merupakan platform untuk menyokong dan mempromosikan ahli ASAS yang berniaga kepada ahli ASAS yang lain. Pada permulaannya, yuran dikenakan untuk tujuan promosi tersebut. Tetapi disebabkan pandemik, yuran tersebut dimansuhkan sehingga tempoh tertentu. Setakat tempoh ini, sebanyak 26 perniagaan ahli ASAS telah berdaftar di bawah “ASAS Niaga”. iii. Menambahnilai fungsi website ASAS dengan jualan merchandise, permohonan keahlian dan terkini menjalankan AGM ke 37 melalui website. iv. Menaikkan identiti ASAS dengan “branding” tali leher yang mana ASAS telah melakukan kempen untuk memakai tali leher ASAS pada setiap hari Isnin. 	
1.8	<p>Presiden turut menyampaikan salam takziah kepada keluarga ahli ASAS yang telah meninggal dunia mana untuk tahun 2020 seramai 33 kematian telah direkodkan. 10 daripada jumlah tersebut adalah kematian disebabkan virus COVID-19. Sehubungan dengan itu, Presiden turut berpesan kepada semua untuk terus menjaga diri dan keluarga.</p>	
1.9	<p>Insitiatif turut dilaksanakan ASAS melalui forum perkongsian ilmu yang bertajuk “Perkongsian Kepentingan Rancang Harta Pusaka” yang akan dijalankan melalui webinar pada 7 Ogos 2021 jam 10 pagi. Yayasan Amal ASAS (YAA) diberi tanggungjawab sebagai agen untuk membuat promosi kepada ahli ASAS.</p>	
1.10	<p>Presiden turut menambah bahawa YAA dan Koperasi Asas merupakan suatu badan yang berhubungkait dengan ASAS. Oleh itu, beliau selalu/sentiasa menyebut tentang aktiviti kedua-dua badan itu di dalam majlis ASAS.</p>	

NO	PERKARA	TINDAKAN
1.11	Untuk makluman juga, sepanjang pandemik ini, YAA telah memberi sumbangan amal yang berupa keperluan asas kepada penduduk yang memerlukan yang mana ia merupakan Projek Amal ASAS yang sentiasa dijalankan sepanjang tahun.	
1.12	YAA turut memberikan sumbangan biasiswa kepada 30 pelajar dari keluarga asnaf di SAS dengan nilai RM70 setiap bulan untuk seorang pelajar di samping memberikan laptop kepada 3 pelajar yang memerlukan.	
1.13	Presiden juga memaklumkan bahawa pencapaian SPM SAS 2020 sangat cemerlang yang mana SAS mendapat tempat kedua dari keseluruhan SBP di Malaysia dengan purata gred 1.07. Pada hari ini juga (31 Julai 2021), pihak sekolah turut menjemput beliau untuk Majlis Anugerah Cemerlang SAS, namun tidak dapat hadir kerana komitmen dengan AGM kali ini.	
1.14	Presiden turut mengalukan agar mewujudkan Biro Briged Muda untuk membantu ASAS melaksanakan kerja-kerja amal dan sukarela.	
1.15	Akhir sekali, Presiden sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada barisan AJK 2019-2021 yang banyak membantu dan memberikan sumbangan dari segi tenaga, idea, masa dan wang ringgit dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ASAS. Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada secretariat AGM ke 37 ini terutamanya webmaster (En.Azlan) yang menyediakan platform mesyuarat dan pemilihan AJK yang lebih telus.	
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE 36	Makluman
2.1	Sdr Shazwan selaku pemudahcara mesyuarat membentangkan Minit Mesyuarat Agung ASAS ke 36 yang telah diadakan pada 25 Julai 2020 di Auditorium, Sekolah Sultan Alam Shah untuk disahkan. Minit mesyuarat itu dilaporkan di dalam pdf file berbentuk softcopy dan diedarkan beberapa hari sebelum AGM ke 37.	
2.2	Ahmad Kadim Abdul Majid (656) mencadangkan minit mesyuarat disahkan dan disokong oleh Mohd Zameen Azuan bin Mohd Zahari (2722). Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan tersebut.	

NO	PERKARA	TINDAKAN
3.0	<p data-bbox="312 300 1185 367">MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN TAHUNAN ASAS 2020</p> <p data-bbox="209 405 1185 645">3.1 Sdr Junaizee Mohd Noor, Setiausaha Kehormat membentangkan laporan tahunan ASAS 2020 untuk diterima oleh mesyuarat. Laporan aktiviti dilaporkan di dalam "slide presentation" meliputi senarai AJK ASAS 2019/2021 diikuti dengan laporan mesyuarat dan laporan aktiviti biro-biro (Pengurusan, Sekretariat, Hubungan Sekolah, Sosial, Kebajikan dan Agama, Keusahawanan dan Sukan).</p> <p data-bbox="209 683 1185 779">3.2 Sdr Md Zaini bin Md Zakaria (1796) mengajukan soalan berkenaan kes Razzi, apakah tindakan lanjut sekiranya tiada lagi bayaran dibuat.</p> <p data-bbox="312 817 1185 1126">Berdasarkan maklumat yang diterima dari Peguam, Presiden memaklumkan bahawa sekiranya ASAS ingin memasukkan Razzi ke dalam penjara, kos tersebut perlu ditanggung oleh pihak ASAS. Tetapi tindakan tersebut tidak akan dibuat oleh ASAS. Sdr Razzi juga secara sukarela dan redha sekiranya dimasukkan ke dalam penjara memandangkan keadaan kewangannya yang tidak mengizinkan untuk membayar hutang tersebut. Presiden turut berdoa agar pandemik ini segera berakhir.</p> <p data-bbox="312 1164 1185 1294">Presiden turut memaklumkan bahawa, Razzi masih menunjukkan komitmen untuk membuat pembayaran yang mana beliau telah membuat pembayaran terkini adalah sebanyak RM500 yang diperolehi dari bantuan oleh kerajaan.</p> <p data-bbox="209 1332 1185 1400">3.3 Sdr Rosman bin Hamzah (2328) turut bertanyakan bagaimana ASAS boleh memastikan kes tersebut tidak akan berlaku lagi.</p> <p data-bbox="312 1438 1185 1709">Presiden memaklumkan bahawa pengurusan sekarang sentiasa mengawalselia aliran keluar masuk bayaran sewa premis dari penyewa di samping menjalankan semua urusan jualan merchandise melalui sistem dan bukan lagi melibatkan urusan secara tunai di tangan. Selain itu, mesyuarat turut memanggil Juruaudit Dalam untuk hadir secara berkala di dalam mesyuarat AJK bagi memberi peluang kepada mereka memantau penyata kewangan ASAS.</p> <p data-bbox="209 1747 1185 1814">3.4 Sdr Adnan b. Yusop Ali (999) mengajukan soalan samada Razzi mempunyai aset untuk dicairkan.</p> <p data-bbox="312 1852 1185 2018">Presiden menjawab bahawa pihak pengurusan telah mengenalpasti aset Razzi iaitu sebuah rumah atas nama Razzi dan isterinya yang boleh dicairkan sekiranya perlu. Aset tersebut walaubagaimana pun di cagar kepada sebuah bank.</p>	Makluman


NO	PERKARA	TINDAKAN
3.5	Sdr Abdullah b. Abd. Hamid (377) mencadangkan laporan tahunan 2020 ASAS diterima dan cadangan tersebut disokong oleh Sdr Mansor B Abdullah (2918).	
4.0	<p data-bbox="288 465 1208 539">MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 YANG TELAH DIAUDIT</p> <p data-bbox="288 568 1208 741">4.1 Sdr Kamalruzaman Ramlee (1122) selaku bendahari membentangkan Penyata Kewangan ASAS bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit bagi pihak ASAS, seperti dilaporkan di dalam pdf file yang telah diedarkan. Turut dilampirkan nota-nota untuk rujukan lanjut.</p> <p data-bbox="288 779 1208 1160">4.2 Sdr Irfan mengajukan soalan adakah ASAS mempunyai perancangan untuk menambah aset memandangkan ia penyumbang utama kewangan ASAS. Bendahari menjawab bahawa untuk masa sekarang tiada perancangan bagi tujuan tersebut memandangkan ASAS mempunyai komitmen untuk menjelaskan hutang yang sediaada disamping kekangan untuk mendapatkan pinjaman buat masa sekarang. Namun begitu, sekiranya kewangan ASAS adalah stabil pada masa akan datang, mungkin cadangan untuk menambahkan aset boleh dipertimbangkan.</p> <p data-bbox="288 1189 1208 1464">4.3 Sdr Md Zaini bin Md Zakaria (1796) mengajukan soalan adakah hutang Razzi telah menjadi hutang ragu. Persoalan tersebut dijawab oleh bendahari dengan menyatakan bahawa hutang ragu tersebut bukan untuk jumlah keseluruhan hutang tersebut tetapi hanya sebilangan kecil yang mana hutang tersebut tidak dapat dibuktikan dengan dokumentasi.</p> <p data-bbox="288 1496 1208 1912">4.4 Sdr Khairul Nizam bin Abdul Samad (1241) mengajukan persoalan berapakah jumlah sebenar hutang Sdr Razzi. Bendahari memaklumkan bahawa jumlah hutang adalah sebanyak RM 327,000. Presiden turut menambah bahawa setelah audit dibuat untuk tahun-tahun 2015 & sebelumnya, ada sejumlah yang di jangka mungkin diselewengkan oleh Razzi, tetapi tidak ada dokumen untuk membuktikannya. Setelah penyiasatan yang lebih terperinci dijalankan, ASAS bersetuju untuk melupuskan sejumlah hutang yang mana jumlah tersebut telah diluluskan semasa AGM ke-36 untuk dilupuskan.</p>	Makluman

NO	PERKARA	TINDAKAN
4.5	<p>Sdr Ahmad Kadim Abdul Majid (656) mencadangkan agar penyata kewangan ASAS bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit, diterima dan diluluskan oleh mesyuarat. Cadangan disokong oleh Sdr Muhamad Nazir b. Abdullah (567).</p> <p>Mesyuarat dengan sebulat suara menerima cadangan tersebut.</p>	
<p>5.0</p> <p>5.1</p> <p>5.1.1</p> <p>5.1.2</p> <p>5.1.3</p> <p>5.2</p> <p>5.2.1</p> <p>5.3</p> <p>5.3.1</p> <p>5.3.2</p>	<p>PEMBENTANGAN USUL-USUL</p> <p>USUL 1 : PINDAAN FASAL 19</p> <p>Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan usul pindaan Fasal 19 yang berkaitan dengan Pengamanah.</p> <p>Sdr Rosman bin Hamzah (2328) mengajukan soalan, bagaimana "rotate 2 step down" dibuat</p> <p>Presiden memaklumkan, "rotate" tersebut adalah berdasarkan tempoh paling lama perkhidmatan dalam pengamanah. Perlantikan baru akan terus dibuat dalam mesyuarat yang sama.</p> <p>Sdr Md Zaini bin Md Zakaria (1796) bertanyakan tentang syarat had umur yang diperlukan untuk dilantik sebagai pengamanah.</p> <p>Presiden menjawab bahawa tiada had umur untuk menjadi seorang pengamanah.</p> <p>USUL 2 : MEWUJUDKAN PERKUMPULAN AHLI ASAS MENGIKUT PROFESION</p> <p>Mesyuarat dengan undian lebih dari 1/3 kehadiran tidak bersetuju dengan usul tersebut. Namun begitu, usul ini boleh dimasukkan di dalam cadangan aktiviti yang boleh dibincangkan bersama AJK ASAS.</p> <p>USUL 3 : PENETAPAN SYARAT KELAYAKAN MINIMUM BAGI PENCALONAN AJK TERTINGGI ASAS</p> <p>Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan usul ini. Perlantikan berdasarkan syarat yang diberikan boleh dipraktikkan untuk jawatan Presiden yang sememangnya telah dibuat pada masa sekarang.</p> <p>Usul ini juga adalah pindaan kepada peraturan dan bukan melibatkan perlembagaan.</p>	<p>Makluman</p>

NO	PERKARA	TINDAKAN																																					
6.0	<p data-bbox="268 297 877 331">PEMILIHAN AJK KERJA ASAS SESI 2021-2023</p> <p data-bbox="188 365 1222 465">6.1 Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, Dato' Emran Kadir memaklumkan peletakan jawatan semua AJK Kerja ASAS bagi sesi 2019-2021.</p> <p data-bbox="188 499 1222 645">6.2 Bagi pemilihan AJK Kerja ASAS sesi 2021-2023, terdapat tiga jawatan yang telah dapat diputuskan kerana calon telah menang tanpa bertanding. Selebihnya, pemilihan dibuat melalui undi ahli-ahli mesyuarat yang diadakan pada hari ini.</p> <p data-bbox="188 678 1222 745">6.3 Keputusan keseluruhan bagi pemilihan AJK Kerja ASAS bagi sesi 2021-2023 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="268 757 1222 1825"> <thead> <tr> <th data-bbox="268 757 528 824">Jawatan</th> <th data-bbox="528 757 986 824">Nama Penuh (bil. undi)</th> <th data-bbox="986 757 1222 824">No. Kehlian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="268 824 528 891">Presiden</td> <td data-bbox="528 824 986 891">Ghazali b Bujang</td> <td data-bbox="986 824 1222 891">008</td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 891 528 992">Timbalan Presiden</td> <td data-bbox="528 891 986 992">Datuk Rostam Affendi b Salleh</td> <td data-bbox="986 891 1222 992">696</td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 992 528 1126" rowspan="2">Naib Presiden</td> <td data-bbox="528 992 986 1059">Roslan b Rosli</td> <td data-bbox="986 992 1222 1059">716</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1059 986 1126">Shamsul Amri b Ali</td> <td data-bbox="986 1059 1222 1126">1982</td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 1126 528 1227">Setiausaha Kehormat</td> <td data-bbox="528 1126 986 1227">Shazwan b Saleh</td> <td data-bbox="986 1126 1222 1227">931</td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 1227 528 1294">Bendahari</td> <td data-bbox="528 1227 986 1294">Jamaluddin b Hassan</td> <td data-bbox="986 1227 1222 1294">900</td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 1294 528 1825" rowspan="8">Ahli Jawatankuasa</td> <td data-bbox="528 1294 986 1361">Asrul Sani b Ahmad Shahrin</td> <td data-bbox="986 1294 1222 1361">1231</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1361 986 1429">Eddie Fauzie b Ahmad</td> <td data-bbox="986 1361 1222 1429">2670</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1429 986 1496">Mohd Azmir b Zainul Abdin</td> <td data-bbox="986 1429 1222 1496">1443</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1496 986 1563">Mohd Hafiz b Yahya</td> <td data-bbox="986 1496 1222 1563">2953</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1563 986 1630">Mohd Junaizee b Mohd Noor</td> <td data-bbox="986 1563 1222 1630">510</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1630 986 1697">Nasruddin b Abdul Mutalib</td> <td data-bbox="986 1630 1222 1697">627</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1697 986 1765">Syahrul Azlan b Idris</td> <td data-bbox="986 1697 1222 1765">1299</td> </tr> <tr> <td data-bbox="528 1765 986 1825">Zainap bt Mahmud</td> <td data-bbox="986 1765 1222 1825">2405</td> </tr> </tbody> </table>	Jawatan	Nama Penuh (bil. undi)	No. Kehlian	Presiden	Ghazali b Bujang	008	Timbalan Presiden	Datuk Rostam Affendi b Salleh	696	Naib Presiden	Roslan b Rosli	716	Shamsul Amri b Ali	1982	Setiausaha Kehormat	Shazwan b Saleh	931	Bendahari	Jamaluddin b Hassan	900	Ahli Jawatankuasa	Asrul Sani b Ahmad Shahrin	1231	Eddie Fauzie b Ahmad	2670	Mohd Azmir b Zainul Abdin	1443	Mohd Hafiz b Yahya	2953	Mohd Junaizee b Mohd Noor	510	Nasruddin b Abdul Mutalib	627	Syahrul Azlan b Idris	1299	Zainap bt Mahmud	2405	Makluman
Jawatan	Nama Penuh (bil. undi)	No. Kehlian																																					
Presiden	Ghazali b Bujang	008																																					
Timbalan Presiden	Datuk Rostam Affendi b Salleh	696																																					
Naib Presiden	Roslan b Rosli	716																																					
	Shamsul Amri b Ali	1982																																					
Setiausaha Kehormat	Shazwan b Saleh	931																																					
Bendahari	Jamaluddin b Hassan	900																																					
Ahli Jawatankuasa	Asrul Sani b Ahmad Shahrin	1231																																					
	Eddie Fauzie b Ahmad	2670																																					
	Mohd Azmir b Zainul Abdin	1443																																					
	Mohd Hafiz b Yahya	2953																																					
	Mohd Junaizee b Mohd Noor	510																																					
	Nasruddin b Abdul Mutalib	627																																					
	Syahrul Azlan b Idris	1299																																					
	Zainap bt Mahmud	2405																																					

NO	PERKARA	TINDAKAN
6.4	<p>Mesyuarat juga bersetuju untuk melantik dua orang Juruaudit Dalamam melalui proses undian oleh ahli-ahli mesyuarat, iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Safrizal b Mohd Said (No. Keahlian 670) 2. Sazali b Samjis (No. Keahlian 1294) 	
7.0	<p>UCAPAN PENANGGUHAN</p> <p>Presiden mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli yang mengambil bahagian di dalam AGM pada kali ini yang mana rekod kehadiran adalah seramai 472 orang. Syukur AGM kali ini berjalan dengan lancar walaupun ada sedikit masalah teknikal di awal mesyuarat.</p> <p>Presiden juga mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang telah diutarakan. AJK baru yang akan dilantik akan mengambil maklum tentang perkara tersebut. Dikesempatan ini juga, Presiden mengucapkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan ahli ASAS kepada beliau untuk terus menerajui ASAS. Beliau turut memberikan penghargaan kepada barisan AJK lama yang telah berkorban menyumbangkan idea, masa, tenaga dan wang ringgit untuk terus berkhidmat dengan ASAS. Semoga segala penat lelah mereka mendapat ganjaran dari Allah s.w.t.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dengan Presiden mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesediaan semua ahli meluangkan masa untuk menghadiri mesyuarat.</p>	Makluman

Disediakan oleh



Mohd Junaizee Bin Mohd Noor
Setiausaha Kehormat

Disahkan oleh



Ghazali Bin Bujang
Presiden